

PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PROSES PENYELIAAN DAN BIMBINGAN YANG DIBERIKAN OLEH PENYELIA PEMBIMBING BAGI PROGRAM LATIHAN MENGAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Megat Aman Zahiri Bin Megat Zakaria & Nor Kamsiah Bt Kamarul Jaeh
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh penyelia pembimbing bagi program Latihan Mengajar, Universiti Teknologi Malaysia. Terdapat empat aspek bimbingan yang di tekankan dalam kajian ini iaitu aspek bimbingan dalam membuat persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran, penilaian pengajaran dan bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme perguruan. Sampel kajian terdiri daripada 211 pelajar tahun tiga yang telah menjalani latihan mengajar pada semester 1 sesi 2008/2009. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik. Data dan dapatan kajian yang diperolehi dianalisis mengikut peratusan dan min dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Science*) 13.0 for Windows. Hasil kajian menunjukkan keseluruhan guru pelatih telah mendapat bimbingan daripada guru pembimbing dengan nilai min adalah 3.06 iaitu berada pada tahap tinggi. Manakala, bimbingan daripada pensyarah pembimbing pula didapati berada pada tahap rendah dengan nilai min 2.92. Kesimpulannya, guru pelatih telah mendapat bimbingan yang sewajarnya daripada guru pembimbing tetapi mereka masih kurang mendapat bimbingan daripada pensyarah pembimbing.

ABSTRACT: This study aims to survey teacher trainee's perception towards the supervision and guidance process given by supervisor for Teaching Practice, Universiti Teknologi Malaysia. Four guiding aspects were emphasized in this study; guidance in making lesson plans, content delivery, teaching evaluation and also guidance in improving teacher professionalism. The sample of this study consisted of 211 third year students who had went for teaching practice during the 1st semester of the 2008/2009 session. The instrument used to collect data was questionnaire. Data obtained were analysed based on percentage and mean by using SPSS (*Statistical Package For Social Science*) 13.0 for Windows. It was found that all teacher trainees received guidance from cooperative teacher with 3.06 as the mean value. However, guidance from lecturer supervisor was found to be low as shown with the mean value of 2.92. As the conclusion, teacher trainees received appropriate guidance from cooperative teacher but the guidance from lecturer is still not enough.

Katakunci: Latihan Mengajar, Universiti Teknologi Malaysia, SPSS (*Statistical Package For Social Science*)

PENGENALAN

Latihan mengajar atau praktikum adalah salah satu daripada komponen Kursus Perguruan Asas yang perlu dilalui oleh setiap guru pelatih. Latihan ini merupakan satu syarat yang mesti dipenuhi oleh guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan di Universiti Teknologi Malaysia sebelum mereka diiktiraf sebagai seorang guru yang bertauliah. Ia merupakan satu latihan amali untuk guru pelatih mempraktikkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari serta mengaplikasikan pengetahuan, kaedah dan kemahiran mengajar dalam situasi yang sebenar iaitu semasa berada di bilik darjah dan sekolah. Program ini juga dapat membantu bakalbakal guru membuat persediaan sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan kelak.

Melalui program latihan mengajar yang dijalankan selama 12 minggu, guru pelatih dapat menyepadukan teori dan amali pengajaran pembelajaran. Selain itu, mereka juga dapat mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengajaran pembelajaran yang telah mereka pelajari semasa di universiti. Guru pelatih juga merasai pengalaman menjadi seorang guru yang sebenar dan sekaligus dapat mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Program ini juga dapat memupuk sikap positif dalam diri guru pelatih, meningkatkan jati diri serta membolehkan guru pelatih menghayati dan mengamalkan nilai profesion perguruan.

Pernyataan Masalah

Semasa menjalani latihan mengajar, guru pelatih amat memerlukan tunjuk ajar, perhatian, sokongan dan bantuan daripada pensyarah dan guru pembimbing masing-masing. Mereka mengharapkan bimbingan yang dapat membantu mereka melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah dengan baik mengikut objektif pelajaran yang telah dirancang.

Konsep penyeliaan di sini bermaksud pensyarah pembimbing dan guru pembimbing perlu menyelia dan membimbing guru pelatih sebelum, semasa dan selepas sesi pengajaran. Mereka perlu memerhatikan dan mencatat kelemahan dan kekuatan guru pelatih serta memberikan bimbingan dan tunjuk ajar berasaskan pencerapan klinikal bagi meningkatkan mutu pengajaran. Selain itu, mereka juga boleh memberi input yang membina untuk membantu guru pelatih meningkatkan keperibadian dan ikhtisan keguruan.

Kamaruddin Hj. Husin (1986), menyatakan penyeliaan yang berkesan dan menepati matlamat serta objektifnya, hanya boleh dilakukan melalui proses yang sistematik apabila seorang guru dan seorang penyelia bekerjasama menganalisis pengajaran dan bersama-sama pula berusaha untuk memperbaikinya. Perbincanganperbincangan, proses memberi dan menerima harus sentiasa berlaku.

Jelas disini menunjukkan proses bimbingan dan penyeliaan amat penting kepada guru pelatih dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh yang demikian, diharapkan guru pembimbing dan pensyarah pembimbing akan selalu memberi bimbingan dan penyeliaan yang berkualiti kepada guru pelatih dengan memainkan peranan serta menunaikan tanggungjawab yang sewajarnya supaya guru pelatih akan menjadi seorang guru yang lebih berketrampilan dan berkualiti.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dan pensyarah pembimbing semasa mereka menjalani latihan mengajar. Oleh kerana penyelidik ingin mengkaji persepsi guru pelatih daripada kedua-dua penyelia iaitu guru pembimbing dan pensyarah pembimbing, objektif kajian ini telah ditetapkan seperti berikut:

Tinjauan terhadap persepsi guru pelatih terhadap proses bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing:

1. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dalam membuat persediaan pengajaran dengan baik.
2. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dalam membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan.
3. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing tentang cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan.

4. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru.

Tinjauan terhadap persepsi guru pelatih terhadap proses bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing:

1. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing dalam membuat persediaan pengajaran dengan baik.

2. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing dalam membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan.

3. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing tentang cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan.

4. Meninjau persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru.

Kepentingan Kajian

Data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini diharap akan memberikan maklumat yang berguna kepada pihak Fakulti Pendidikan, Jawatankuasa Latihan Mengajar, pihak sekolah dan guru pelatih supaya segala masalah dan kelemahan dapat diatasi dalam usaha melahirkan bakal-bakal guru yang profesional.

Hasil daripada kajian ini juga dapat memberi informasi kepada Jawatankuasa Latihan Mengajar dalam mengatasi masalah yang melibatkan penyeliaan dan bimbingan terhadap guru pelatih.

Kajian ini akan memberikan data mengenai persepsi guru pelatih terhadap penyelia yang membimbing mereka semasa latihan mengajar. Maklum balas yang diterima boleh digunakan oleh pihak sekolah bagi membuat perancangan dalam menyediakan guru pembimbing yang mahir untuk sesi penyeliaan yang akan datang.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan cadangan kepada pihak Fakulti Pendidikan untuk membaiki kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar pada masa akan datang serta dapat mempertingkatkan kualiti penyeliaan latihan mengajar.

METODOLOGI

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bermaksud sekumpulan objek, benda, kejadian ataupun individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji oleh penyelidik. Bagi menjimatkan masa dan tenaga, kebanyakan penyelidik hanya menumpukan perhatian kepada sebahagian kecil daripada populasi dan seterusnya membuat generalisasi. Oleh yang demikian, mengenal pasti populasi sebagai langkah pertama adalah penting dalam sesuatu penyelidikan. Menurut Majid Konting (1990), populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpulkan dan dianalisis. Pentafsiran dan inferens berkenaan data dan maklumat yang dikumpulkan juga dipengaruhi dan terbatas kepada populasi yang dikaji. Populasi yang besar dan rumit memerlukan masa, tenaga dan kewangan yang banyak berbanding populasi yang kecil

dan rendah. Oleh yang demikian, bagi menjalankan penyelidikan dengan berkesan kita perlu mengenal pasti populasi dengan tepat dan jelas.

Sampel ialah satu kumpulan subjek yang dipilih daripada populasi. Ia juga merupakan sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya. Terdapat beberapa teknik yang dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat. Antaranya ialah dengan menggunakan rumus Krejcie dan Morgan bagi menentukan saiz sampel kajian. Rumus yang digunakan adalah seperti berikut:

$$S = \frac{x^2 NP(1-P)}{d^2(N-1) + x^2 P(1-P)}$$

Di mana:

S = saiz sampel.

x^2 = nilai chi-square pada 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841).

N = saiz populasi.

P = nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 bagi memberi saiz sampel yang maksimum)

d = darjah ketepatan dinyatakan sebagai nisbah 0.05.

Kajian ini menumpukan kepada responden yang terlibat secara langsung iaitu pelajar. Tumpuan diberikan kepada semua guru pelatih menjalani Latihan Mengajar di sekolah menengah. Jadi, populasi yang telah digunakan oleh penyelidik hanyalah bertumpu pada guru pelatih yang menjalani latihan mengajar di sekolah menengah pada semester 1 sesi 2008/2009 sahaja.

Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah guru pelatih yang baru sahaja menjalani Latihan Mengajar yang dipilih secara rawak. Responden merupakan pelajar yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik) – SPP, Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia) – SPK, Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) – SPT, Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik) – SPM, Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Fizik) – SPF, Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia) – SPC, Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains) – SPN, Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) – SPI, Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan) – SPS dan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (TESL) – SPL.

Berasaskan rumus Krejcie dan Morgan, daripada saiz populasi sebanyak 254, saiz sampel yang diperlukan adalah dikira dan ditetapkan seperti berikut:

$$S = \frac{x^2 NP(1-P)}{d^2(N-1) + x^2 P(1-P)}$$

$$S = \frac{3.841 \times 254 \times 0.5(1-0.5)}{0.05^2(254-1) + 3.841 \times 0.5(1-0.5)}$$

$$S = 153$$

Instrumen Kajian(Kesahan dan Kebolehpercayaan)

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal-selidik. Menurut Tuckman (1978), kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada subjek selain daripada membuat pemerhatian tingkah laku. Ahmad Mahdzan (1995) pula menyatakan selain mempercepatkan kerja mengumpul data serta mengawal mutu data yang dikumpul, pengumpulan data melalui soal selidik juga senang untuk diproses terutama jika ia diproses dengan bantuan komputer. Menurut beliau lagi, kaedah soal selidik perlu dilihat sebagai kaedah yang berguna dalam penyelidikan kerana setiap responden disoal dengan soalan yang sama, maka ini akan memudahkan pengkaji membuat perbandingan.

Kebaikan kaedah ini ialah responden menjawab berdasarkan pandangan peribadi tanpa dipengaruhi oleh individu-individu lain. Oleh itu, penyelidik perlu menyediakan soal selidik yang ringkas, padat dan mudah difahami oleh responden. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang telah diubahsuai daripada kajian yang dilakukan oleh Jamaluddin Ramli et. al.

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap soalan yang telah dibina dalam soal selidik ini. Soalan yang baik dan menepati kehendak boleh menghasilkan maklum balas yang baik dari responden nanti. Menurut Johnson dan Christensen (2000), kajian rintis mesti dilaksanakan ke atas setiap soal selidik yang akan digunakan di dalam sesuatu kajian untuk melihat sama ada soal selidik tersebut berfungsi dengan betul atau tidak. Kesemua instrumen tersebut diberi kepada responden yang mempunyai ciri yang sama dengan responden sebenar kajian. Menurut Johnson dan Christensen (2000), bilangan minimum responden yang boleh digunakan di dalam kajian rintis ialah 5 hingga 10 orang.

Kajian rintis telah dilakukan pada 5 Februari 2009 dan responden dipilih secara rawak daripada 10 orang pelajar tahun 4 Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer dengan Pendidikan (Matematik). Hasil daripada kajian rintis tersebut menghasilkan $\alpha = 0.969$ (Lihat Lampiran B). Menurut Mohd Majid Konting (1990), pekali Alpha Cronbach yang berada di antara 0.8 hingga 1.0 menunjukkan item kajian boleh diterima dan tidak perlu diubah.

Untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan tahap kesahan soal selidik ini, pengkaji telah melakukan beberapa perubahan yang positif terhadap soalan di dalam borang soal selidik iaitu:

1. Menggugurkan perkataan dan skala yang menimbulkan kekeliruan kepada responden.
 2. Sesetengah pernyataan yang dikemukakan disusun semula mengikut aspek-aspek yang lebih baik.
- Langkah-langkah ini membantu responden lebih memahami pernyataan yang dikemukakan dan boleh dijawab dengan lebih baik lagi.

PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Kajian menunjukkan responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar tahun 3 fakulti pendidikan yang baru sahaja tamat menjalani latihan mengajar pada semester yang lepas. Terdapat sepuluh aliran kursus yang dipilih iaitu 16.6% adalah pelajar daripada kursus SPS, seterusnya 15.6% daripada kursus SPI, 11.8% daripada kursus SPL, 11.4% daripada kursus SPT dan 9.5% daripada kursus SPF. Bagi kursus SPC, SPK, SPM dan SPP, peratusan bilangan pelajar bagi kursus-kursus ini adalah sama iaitu 7.1%. Kursus yang mempunyai bilangan pelajar yang paling rendah ialah kursus SPN iaitu 6.6%. Bilangan

pelajar lelaki yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 66 orang (31.3%) manakala bilangan pelajar perempuan seramai 146 orang (68.7%).

Sebahagian besar daripada responden adalah terdiri daripada guru pelatih yang berumur 22 hingga 23 tahun iaitu 72%. Seterusnya, bilangan responden yang berumur 20 hingga 21 tahun ialah 15.2%. Responden yang berumur 24 hingga 25 tahun pula ialah 9.4% dan selebihnya responden yang berumur 26 hingga 27 tahun iaitu 6.6%. Manakala bangsa Melayu yang terlibat adalah seramai 182 orang (86.3%). Diikuti dengan bangsa Cina yang terlibat iaitu seramai 22 orang (10.4%), bangsa India sebanyak 3 orang (1.4%) dan selebihnya adalah lain-lain bangsa dengan 4 orang responden (1.9%). Sebahagian besar responden adalah penganut beragama Islam iaitu 185 orang (87.7%). Manakala, responden yang menganut agama Buddha adalah 17 orang (8.1%) dan responden yang beragama Kristian pula sebanyak 8 orang (3.8%). Selebihnya, hanya seorang responden yang menganut agama selain daripada agama Islam, Buddha dan Kristian dengan peratusan 0.5%.

Bilangan responden yang mendapat A- adalah bilangan yang tertinggi iaitu 87 orang (41.2%). Gred yang kedua tertinggi ialah gred A dengan bilangan responden sebanyak 56 orang (25.5%). Manakala, bilangan yang ketiga tertinggi ialah responden yang mendapat gred B+ iaitu 55 orang (26.1%). Seterusnya, bilangan responden yang mendapat gred B ialah 11 orang (5.2%). Bilangan responden yang terendah adalah responden yang mendapat gred B- dan C+ dengan seorang responden sahaja (0.5%).

Berdasarkan analisis data yang diperolehi, didapati bahawa bilangan penyeliaan yang paling kerap dilakukan oleh guru pembimbing adalah diantara 4 hingga 6 kali penyeliaan (84.8%). Manakala yang kedua tertinggi adalah 1 hingga 3 kali penyeliaan (11.4%). Diikuti pula dengan 7 hingga 9 kali penyeliaan (2.8%) dan yang terakhir sekali 10 hingga 12 kali penyeliaan (0.9%). Manakala, bilangan penyeliaan yang dilakukan oleh pensyarah pembimbing yang paling kerap dilakukan adalah 3 kali (71.1%). Diikuti pula dengan 2 kali bilangan penyeliaan (13.7%). Seterusnya, bilangan penyeliaan sebanyak 4 dan 6 kali iaitu 6.2%. Bilangan penyeliaan yang berada di kedudukan kedua terendah adalah 5 kali (1.9%) dan yang terakhir adalah 2 kali bilangan penyeliaan (0.9%).

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Guru Pembimbing dalam Membuat Persediaan Pengajaran dengan Baik

Min untuk persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dalam membuat persediaan pengajaran dengan baik seperti dalam jadual 4.9 ialah 3.01 dan purata peratusan setuju ialah 37.7% dan 36.2% sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih memberikan persepsi yang positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dalam membuat persediaan pengajaran.

Hasil kajian menunjukkan majoriti guru pelatih berpendapat guru pembimbing berkongsi pengalaman dengan guru pelatih mengenai cara membina hubungan dan mendapat penghormatan daripada pelajar. Mereka juga memberitahu guru pelatih mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai guru semasa berada di dalam kelas. Selain itu, guru pembimbing turut membantu guru pelatih menulis objektif pengajaran dengan jelas dan tepat serta menyemak buku penyeliaan mengajar guru pelatih sebelum membuat penyeliaan.

Di samping itu, guru pelatih turut diberitahu mengenai maklumat lengkap dan perkembangan murid dalam kelas yang diajar. Ini penting bagi memudahkan guru pelatih mengetahui tahap pengetahuan pelajar dalam kelas yang diajar. Ini menunjukkan guru pembimbing telah menjalankan tugasnya dengan baik dalam membantu guru pelatih membuat persediaan mengajar.

Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Kamaruddin Husin (1986) iaitu persediaan mengajar ialah satu program yang disediakan oleh guru-guru pelatih sebagai panduan yang dapat membantu mereka dalam melaksanakan pengajaran mereka. Persediaan ini biasanya perlu dirancang dengan teliti dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti menyatakan objektif eksplisit yang lebih tepat, aktiviti pengkayaan dan bimbingan khas (pemulihan) dan penilaian sepanjang proses pembelajaran mengikut kebolehan murid. Oleh itu, guru pembimbing perlu sentiasa membimbing dan menyelia guru pelatih dengan sebaik mungkin agar mereka dapat membuat persediaan mengajar yang baik.

Pengajaran yang berkesan bergantung kepada kemampuan seseorang guru merancang episod pembelajaran ke arah matlamat pendidikan yang dikehendaki. Tugas utama guru adalah menyediakan aktiviti pembelajaran yang terancang untuk murid bukan hanya 'memindahkan' pengetahuan. Guru perlu memilih bahan yang hendak disampaikan kemudian menyesuikannya dengan latar belakang atau aras pencapaian murid, menyediakan aktiviti yang sesuai bagi membantu pembelajaran murid, mengawal murid disamping bertindak sebagai sumber maklumat dan kemahiran. (Abu Hassan, 1995)

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Pensyarah Pembimbing dalam Membuat Persediaan Pengajaran dengan Baik

Purata peratusan pelajar yang bersetuju terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing dalam membuat persediaan pengajaran dengan baik adalah 37.6% dan 31.8% menyatakan sangat setuju dengan purata min 2.89. Ini menunjukkan persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing dalam membuat persediaan pengajaran dengan baik adalah sederhana.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pensyarah pembimbing membantu dan membimbing guru pelatih menulis objektif pengajaran dengan jelas dan tepat. Selain itu pensyarah pembimbing juga memberitahu guru pelatih mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai guru semasa berada dalam kelas. Hal ini penting bagi memberi peringatan kepada guru pelatih tentang tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang guru pelatih semasa berada di sekolah. Di samping itu juga, guru pelatih turut diberi bimbingan dan tunjuk ajar tentang cara menulis persediaan mengajar dengan baik.

Kenyataan yang diambil daripada buku Penilaian Latihan Mengajar dalam Program Pendidikan Guru Malaysia yang ditulis oleh Institut Pengajian Tinggi, KPM menyatakan bahawa, persediaan ialah segala usaha persiapan dan kelengkapan yang dibuat oleh guru pelatih untuk mencapai objektif pengajarannya sebelum menghadapi pelajar di dalam kelas. Bahagian ini mengandungi dua aspek penting iaitu objektif dan perancangan. Oleh itu, peranan pensyarah pembimbing penting dalam membantu pelajar menyediakan persediaan pengajaran agar guru pelatih dapat menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan berkesan apabila menggunakan persediaan mengajar yang baik.

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Guru Pembimbing dalam Membantu Guru Pelatih Menyampaikan Isi Pelajarannya dengan Baik dan Berkesan

Min untuk persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dalam membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan ialah 3.24 dan purata peratusan setuju ialah 43.5% dan 41.8% sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih memberikan persepsi yang positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing dalam membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan.

Kebanyakan guru pembimbing menggalakkan guru pelatih supaya menggunakan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah mengajar. Guru pembimbing turut memastikan pengajaran guru pelatih mencapai pengajaran guru pelatih mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran selaras dengan apa yang telah dirancang. Perancangan pengajaran adalah penting kerana segala usaha pemikiran, penyusunan dan tindakan yang akan diambil oleh guru untuk mencapai objektif pengajarannya. (Institut Pengajian Tinggi, KPM, 2005)

Perkaitan antara isi pelajaran yang disampaikan dengan kehidupan penting bagi memungkinkan pembelajaran yang lebih bermakna. Ini adalah kerana proses pembelajaran berlaku dengan cara menyerap konsep baru dan seterusnya mengubahsuaikan konsep tersebut dengan pengalaman dan tingkahlakunya yang sedia wujud. (Abu Hassan dan Meor Ibrahim, 1997).

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Pensyarah Pembimbing dalam Membantu Guru Pelatih Menyampaikan Isi Pelajarannya dengan Baik dan Berkesan

Berdasarkan purata keseluruhan, didapati guru pelatih memberi respons positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing dalam membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan dengan purata peratus setuju ialah 45.3% dan 40.8% sangat bersetuju. Purata min bagi persoalan kajian ini ialah berada pada tahap tinggi iaitu 3.24.

Pensyarah pembimbing turut memberi galakan kepada guru pelatih supaya menggunakan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah mengajar dan seterusnya mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Rasional guru pelatih perlu mengetahui pelbagai teknik pengajaran ialah supaya guru pelatih dapat memilih satu teknik yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran selaras dengan keperluan pelajar. Selain itu pelajar juga berpeluang menikmati pembelajaran yang menyeronokkan memandangkan kerana mereka didedahkan kepada pelbagai teknik pengajaran.

Selain itu, pensyarah pembimbing turut memastikan guru pelatih menggunakan ABM dengan semaksimum yang mungkin. Pendapat Ee Ah Meng (1999) menyatakan penggunaan alat bantu mengajar merupakan sumber yang digunakan untuk membantu pelajar-pelajar membentuk konsep dengan mudah, jelas dan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menyeronokkan.

Penyampaian meliputi segala langkah yang dilakukan oleh guru pelatih untuk mencapai objektif pengajaran. Antara aspek penyampaian ialah kemahiran guru, penyertaan pelajar dan interaksi guru-pelajar. Antara aspek penyampaian yang penting ialah kemahiran komunikasi, pengembangan pengajaran, penggunaan ABM dalam pengajaran dan penguasaan isi pelajaran. (Institut Pengajian Tinggi, KPM, 2005)

Aspek penyampaian guru pelatih hendaklah diperhatikan oleh pensyarah pembimbing semasa penyampaian pengajaran. Cara guru pelatih menyampaikan pengajaran dalam bilik darjah sangat penting iaitu dengan menggunakan nada suara dan memek muka yang sesuai. Guru perlu mewujudkan suasana yang tenteram, harmoni dan tidak tegang dalam bilik darjah bagi menggalakkan proses pembelajaran berlaku. Penggunaan peralatan dan papan hitam yang sesuai dan berkesan sangat membantu pembelajaran murid. (Abu Hassan, 1995)

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Guru Pembimbing Tentang Cara Membuat Penilaian Pengajaran yang Berkesan

Purata min keseluruhan persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing tentang cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan adalah berada pada

tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 3.01. Secara keseluruhannya, sebanyak 37.7% menyatakan sangat setuju dan 35.1% menyatakan bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan mengenai aspek ini. Ini membuktikan bahawa guru pembimbing turut menitikberatkan bimbingan dalam aspek penilaian pengajaran.

Respons positif pada item 27, 32 dan 26 dengan peratus setuju dan sangat setuju yang tinggi menunjukkan guru pembimbing menitikberatkan penilaian di dalam kelas. Item 27 menyatakan bahawa guru pembimbing menggalakkan guru pelatih untuk menyoal pelajar di dalam kelas bagi menguji tahap kefahaman mereka. Manakala, bagi item 32 pula, responden bersetuju bahawa mereka diberi peluang untuk menanda dan memberi markah ujian pelajar. Seterusnya, bagi item 26, guru pembimbing membimbing guru pelatih dalam melaksanakan teknik soal jawab yang baik. Walaubagaimanapun, didapati bahawa guru pembimbing kurang membantu guru pelatih membina soalan-soalan ujian. Hal ini perlu dititikberatkan oleh guru pembimbing supaya guru pelatih dapat menjalankan penilaian dengan baik dan berkesan.

Jamaluddin Ramli et al. (2006) menyatakan penilaian dalam kelas adalah sangat penting kerana guru akan mendapat maklumbalas mengenai tahap kefahaman pelajar terhadap sesuatu pengajaran dan pembelajaran dengan segera. Dengan itu tindakan susulan yang bersesuaian boleh diambil untuk memastikan pembelajaran telah berlaku.

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Pensyarah Pembimbing Tentang Cara Membuat Penilaian Pengajaran yang Berkesan

Peratusan dan min bagi persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing tentang cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan berada pada tahap sederhana iaitu 2.72. Seramai 34.5% menyatakan respons setuju dan 26.2% menyatakan respons sangat setuju.

Daripada hasil kajian mendapati, pensyarah pembimbing sentiasa menggalakkan guru pelatih untuk menyoal pelajar di dalam kelas bagi menguji tahap kefahaman mereka sama seperti yang dilakukan oleh guru pembimbing. Disamping itu juga, pensyarah pembimbing turut membimbing guru pelatih dalam melaksanakan teknik soal jawab yang baik serta memberi cadangan kepada guru pelatih soalan-soalan yang boleh dikemukakan untuk menilai pelajar dalam kelas. Walaubagaimanapun, guru pelatih masih kurang diberi bimbingan untuk membina soalan-soalan ujian.

Penilaian merupakan satu usaha untuk menentukan sama ada segala strategi yang digunakan dalam penyampaian telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, proses penilaian ini amat penting bagi menguji keberkesanan pengajaran yang dilakukan oleh guru pelatih. Justeru itu, pensyarah pembimbing perlu menitikberatkan aspek ini dalam membimbing guru pelatih semasa menjalankan proses penyeliaan.

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Guru Pembimbing Ke Arah Meningkatkan Profesionalisme Sebagai Seorang Guru

Persoalan kajian yang terakhir ialah mengenai persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru. Didapati bahawa purata min keseluruhan bagi aspek ini berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan hasil kajian, guru pelatih kurang diberi bimbingan dari segi meningkatkan profesionalisme perguruan. Mereka hanya diberi nasihat supaya menepati masa di sekolah dan menggalakkan guru pelatih untuk menghadiri mesyuarat yang diadakan di sekolah. Kebanyakan guru pembimbing lebih

memberikan tumpuan kepada peranan guru dalam tugas mengajar harian sahaja. Mereka kurang diberi bimbingan mengenai perkembangan semasa dunia pendidikan masa kini.

Kesimpulannya, guru pembimbing kurang menitikberatkan aspek peningkatan profesionalisme dalam bimbingan mereka terhadap guru pelatih.

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Proses Penyeliaan dan Bimbingan yang Diberikan oleh Pensyarah Pembimbing Ke Arah Meningkatkan Profesionalisme Sebagai Seorang Guru

Bimbingan bagi aspek profesionalisme daripada pensyarah pembimbing kepada guru pelatih turut berada di tahap yang sederhana iaitu 2.83. Guru pelatih hanya diberi bimbingan mengenai kepentingan menepati masa di sekolah, melaksanakan dan mematuhi etika profesion perguruan serta menggalakkan guru pelatih untuk menghadiri mesyuarat yang diadakan di sekolah.

Berdasarkan hasil kajian, didapati mereka kurang diberi bimbingan mengenai aktiviti kokurikulum di sekolah. Guru pelatih tidak diberi kepercayaan untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum, menilai dan mengendalikan kegiatan tersebut.

Secara keseluruhannya, pensyarah pembimbing turut tidak menitikberatkan aspek bimbingan dalam meningkatkan profesion perguruan dalam diri guru pelatih.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, purata min bagi aspek penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing adalah berada pada tahap tinggi iaitu 3.06. Hanya aspek bimbingan dalam meningkatkan profesion perguruan perlu ditingkatkan diberi perhatian oleh guru pembimbing agar dapat melahirkan guru yang berkualiti.

Penyataan diatas adalah berdasarkan kepada peratusan bersetuju dan sangat bersetuju yang tinggi ditunjukkan dalam item-item yang dikaji mengikut persoalan kajian berbanding peratusan tidak setuju dan sangat tidak setuju. Skor min yang diperolehi iaitu aspek bimbingan dalam membuat persediaan mengajar dengan baik ialah 3.01, aspek bimbingan dalam menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan mendapat nilai min tertinggi iaitu 3.24. Seterusnya ialah aspek bimbingan mengenai cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan iaitu 3.01. Aspek bimbingan dalam meningkatkan profesion perguruan mendapat min yang terendah iaitu 2.96.

Manakala, purata min bagi aspek penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing pula berada pada tahap sederhana iaitu 2.92. Kesemua aspek bimbingan ini perlu dititikberatkan oleh pensyarah pembimbing supaya guru pelatih dapat bimbingan yang sewajarnya.

Aspek bimbingan dalam membuat persediaan mengajar dengan baik mendapat min sebanyak 2.89. Manakala, min bagi aspek bimbingan dalam menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan berada di kedudukan tertinggi dengan nilai min sebanyak 3.24. Seterusnya, min ketiga tertinggi ialah aspek bimbingan mengenai cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan iaitu 2.72 dan aspek yang terakhir ialah aspek bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme perguruan dengan purata min 2.83.

Kesimpulan daripada hasil kajian yang telah dijalankan mendapati guru pembimbing perlu lebih banyak memberi panduan dan bimbingan kepada guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Hal ini kerana, guru pembimbing mempunyai banyak masa bersama guru pelatih di sekolah berbanding dengan pensyarah pembimbing. Semua aspek ini perlu ditekankan bagi menghasilkan guru yang berkualiti dari semua aspek setelah menjadi guru sebenar kelak.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd. Sultan (1988). “*Latihan Mengajar: Penilaian Atau Penyeliaan?*”. Jurnal Pendidikan Guru. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abd. Latif B.Md. Zahari. (1994). “*Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran*”. Johor.
- Abdul Rahim Abd Rashid et al. (1996). “*Panduan Latihan Mengajar*”. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Raof Dalip., dan T. Subahan Mohd. Meerah. (1991). “*Isu-isu latihan mengajar [Issues in teaching practice]*”. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Hashim (1995). “Falsafah Penyeliaan Pendidikan.” *Bengkel Penyelarasan Penyeliaan Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu UTM/ MRSM. Dibentangkan di Hotel Grand Continental, Langkawi.* 1 -5 November 1995.
- Abu Hassan Kassim, dan Meor Ibrahim.(1995). “Penyelia dan Penyeliaan Pengajaran Guru Pelatih : Perancangan dan penyampaian pengajaran.” Kertas kerja ini dibentangkan di *Bengkel Penyelarasan Penyeliaan Latihan Mengajar bagi Penyelia Bersekutu MRSM/UTM di Hotel Grand Continental, Langkawi.* 2 – 5 November 1995.
- Asiah Hj. Pariecutty (2002). “Persepsi Guru Pelatih Maktab Perguruan Seri Kota (Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa) Terhadap Penulisan Reflektif Semasa Praktikum”. *Jurnal Pendidikan Ipba 2002.*
- Buku Panduan Latihan Mengajar 2000: Panduan untuk penyelia (2000). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Buku Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru Di Malaysia (2005). Institut Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ee Ah Meng. (1999). “*Psikologi Pendidikan 1 : Psikologi Perkembangan.*” Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman, Baharuddin Aris, Mohamad Bilal Ali, et al. (2003). “Penyeliaan Latihan Mengajar Secara Elektronik (E-Supervision): Satu Kajian Kes di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia”. Universiti Teknologi Malaysia.
- Grimmet, P.P, and Ratzlaff, H.C.(1986). “Expectations For The Cooperating Teacher Role”. *Journal Of Teacher Education*, 37(6), 41-50.
- Goldhammer, R. (1969). *Clinical Supervision*. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc. 1988.
- Hazil Abdul Hamid. (1995). “Penyeliaan dan Peningkatan Prestasi Pelatih Latihan Mengajar dalam Perspektif Pembentukan Objektif dan Proses Bimbingan”. Universiti Teknologi Malaysia.